

Tidak akan menukarkan rupa kaum: PM

Identiti bangsa menerusi bahasa

KUALA LUMPUR, Isnin — Penerimaan Bahasa Kebangsaan oleh kaum-kaum lain di Malaysia tidak akan menukar rupa bangsa kaum itu, sebaliknya mengukuhkan lagi identiti mereka sebagai seorang rakyat Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berpendapat pengembangan Bahasa Malaysia bergantung kepada sikap dan tabiat pengguna-penggunanya, terutama orang Melayu yang selalu tidak yakin orang lain boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia.

Berucap merasmikan *Konvensyen Bahasa Kebangsaan* anjuran Biro Kebudayaan Umno Malaysia di Universiti Malaya hari ini, beliau berkata, kerajaan tidak melarang penggunaan pelbagai loghat daerah atau penggunaan baha-

Oleh NAZAR ABDUL

sa ibunda kaum-kaum lain di Malaysia.

Katanya, kerajaan mengamalkan sikap liberal terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan dan ia tidak seharusnya dijadikan bahan kontroversi lagi.

Perdana Menteri berkata, Bahasa Kebangsaan bukan lagi bahasa Melayu tulen, tetapi benar-benar Bahasa Malaysia yang baru dan moden serta boleh menerima cabaran perkembangan pengetahuan semasa.

Menurut beliau, memang benar ada pihak sengaja tidak suka menggunakan Bahasa Kebangsaan, tetapi hakikatnya bahasa itu sudah berkembang luas dan penggunaannya sebagai bahasa ilmu tidak boleh dipertikaikan lagi.

"Kadang-kadang masih ada orang yang geli hati mendengar kesalahan yang dibuat oleh orang bukan Melayu apabila mereka bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tetapi ini boleh mengurangkan minat orang lain menggunakan Bahasa Kebangsaan," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, jika Bahasa Malaysia hendak dijadikan bahasa antarabangsa, kedu-

dukannya sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini perlu diperkukuhkan secara memperkayakan perustakaan bahasanya dengan ilmu-ilmu daripada pelbagai bidang kehidupan.

"Kita tidak seharusnya bergantung kepada hasil terjemahan semata-mata, walaupun terjemahan itu baik untuk memperkayakan ilmu dalam bahasa kita," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, cerdik pandai Melayu sendiri hendaklah membuktikan kemampuan mereka dengan menghasilkan karya-karya dalam pelbagai bidang bagi mewujudkan keyakinan terhadap kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, sejak negara ini mencapai kemerdekaan, Bahasa Melayu tegak sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini dan dalam perancangan bahasa, negara mempunyai modelnya yang tersendiri.

Beliau berkata, model itu berdasarkan keadaan etnik dan bahasa yang mencirikan alam negara ini, proses sejarah dan cita-cita untuk terus hidup sebagai bangsa yang maju lagi berdaulat.